

Wan Fazri, Nur Humaira atlet terbaik UM

Mac 7, 2024 @ 7:17am



Naib Canselor UM, Prof Datuk Seri Ir Dr Noor Azuan Abu Osman (kanan) bergambar bersama Olahragawati Universiti Nur Humaira Abdul Karim (dua dari kanan) dan Olahragawan Universiti Wan Muhammad Fazri Wan Zahari (dua dari kiri) pada majlis Anugerah Sukan UM 2023 malam tadi. – Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pemenang pingat emas taekwondo acara poomsae individu wanita Sukan SEA 2023 Kemboja, Nur Humaira Abdul Karim merangkul gelaran Olahragawati Universiti Malaya pada Anugerah Sukan UM 2023 di sini malam tadi.

Nur Humaira, 23, menerima anugerah berkenaan apabila mencipta kejutan pada temasya dwitahunan itu dengan memungut 7.430 mata mengatasi pencabar dari Singapura, Diyanah Aqidah Muhammad Dian Khudairi yang meraih 7.260 mata, manakala atlet Kemboja, Mang Kanithyda ketiga dengan 7.090 mata.

Anugerah berupa trofi itu disampaikan Naib Canselor UM, Prof Datuk Seri Ir Dr Noor Azuan Abu Osman.

Dalam pada itu, atlet olahraga Wan Muhammad Fazri Wan Zahari dipilih sebagai Olahragawan UM.

Wan Muhammad Fazri yang membuat penampilan sulung di pentas Sukan SEA 2023 Kemboja membawa pulang gangsa menerusi acara 800 meter.

Dia mengakhiri larian dengan catatan 1 minit 53.86 saat, manakala emas menjadi milik atlet Kemboja, Chhun Bunthorn (1:52.92s) dan pelari Vietnam, Duc Phuoc Luong memenangi gangsa (1:53.34s).

Pada majlis malam tadi, sebanyak 19 anugerah disampaikan kepada 191 penggiat sukan UM membabitkan penuntut dan kakitangan sebagai menghargai sumbangan mereka dalam pembangunan kegiatan sukan dan rekreasi universiti itu. – BERNAMA